

SARJANA PERBANKAN ISLAM, SARJANA KEWANGAN ISLAM SERTA SARJANA PERAKAUNAN DAN AUDIT SYARIAH DI USIM

Sepanjang tiga dekad yang lalu sistem perbankan Islam telah muncul sebagai satu cara baru yang berdaya saing dan maju dalam pengurusan kewangan. Ia telah mendapat reputasi dan kredibiliti yang amat baik dan telah menjadi pilihan kepada pengguna perbankan dan kini dianggarkan satu per lima dari populasi masyarakat dunia. Pertambahan dari permintaan terhadap perkhidmatan perbankan Islam ini telah mengakibatkan pengembangan perkhidmatan ini ke peringkat global.

Selari dengan dengan pengembangan perbankan dan kewangan Islam yang kini digunakan seluruh dunia, secara tidak langsung telah menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan lebih beretika dan saksama. Oleh kerana begitu pesatnya permintaan terhadap produk-produk perbankan dan kewangan Islam serta tumbuhnya begitu banyak institusi-institusi kewangan Islam yang menggunakan konsep syariah jadi, telah timbul pula permintaan terhadap pengurusan serta kaedah untuk semakan audit syariah yang membentuk kawalan dalaman bagi pematuhan syariah untuk sesebuah organisasi dan institusi.

Berdasarkan faktor semasa, trend terkini dan persepsi masyarakat global terhadap perkhidmatan perbankan Islam dan prinsip syariah yang diamalkan oleh negara-negara Islam Graduate School of Muamalat, USIM (Sekolah Sarjana Muamalat, USIM) telah mengorak langkah untuk menawarkan kursus di peringkat Sarjana di dalam bidang Perbankan Islam, Kewangan Islam serta Perakunaan dan Audit Syariah.

Sarjana Perbankan Islam

Kursus ini telah direka untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan mendalam yang diperlukan untuk bekerja dalam sektor perbankan Islam yang semakin berkembang di peringkat global. Ia menawarkan kurikulum



menyeluruh yang mencakupi konsep dan fungsi pengurusan perbankan Islam yang terkini. Pelajar akan mempelajari konsep dan perbezaan antara bank Islam dan bank konvensional, serta pengurusan akaun bank di bawah prinsip syariah.

Unit-unit teras untuk kursus ini pula, melengkapkan pelajar dengan pemahaman yang mendalam mengenai struktur yang fungsi mengenai institusi kewangan Islam, dan isu-isu yang berkaitan dengan perbankan Islam diperingkat ekonomi global dan kontemporari. Ia juga menyediakan pengetahuan yang diperlukan dalam bidang pengurusan bank, pengurusan risiko dan penilaian risiko. Unit-unit pengkhususan kursus pula adalah berkaitan kewangan korporat yang melengkapkan graduan dengan kelayakan yang terbaik serta berdaya saing tetapi mempunyai pemahaman yang trampil dalam undang-undang syariah.

Sarjana Kewangan Islam

Kursus ini telah disesuaikan dari perspektif kewangan dan perakaunan Islam. Semua pelajar yang mengikuti kursus Sarjana Kewangan Islam bermula dengan subjek teras merangkumi

bidang Analisa Kewangan Korporat, mengkaji Institusi Kewangan Islam dan Pasaran, Perakaunan dan Pelaporan Transaksi Kewangan Islam dan Pengurusan Risiko. Pada semester yang seterusnya, pelajar akan membina kepakaran dengan mengkaji isu-isu kewangan, perakaunan dan pelaburan berkaitan daripada perspektif pengurusan.

Sarjana Perakaunan dan Audit Syariah

Kursus ini merupakan kursus terbaru yang ditawarkan kepada umum, Sarjana Perakaunan dan Audit Syariah merupakan program yang pertama di dunia, sejajar dengan memenuhi permintaan dari negara-negara Islam dan institusi berasaskan syariah di seluruh pelusuk dunia. Aktiviti operasi yang berasaskan syariah memerlukan graduan yang berdaya saing dan benar-benar memahami kehendak syariah dalam memastikan operasi syarikat-syarikat yang berlandaskan syariah adalah selaras dengan perundangan Islam dan undang-undang komersial dan juga untuk mengekalkan integriti operasi berasaskan syariah. Program ini diyakini dapat menangani kekurangan pakar-pakar terlatih yang berkelayakan dalam bidang syariah dan GSM, USIM merupakan institusi tunggal yang menawarkan program seumpama ini di peringkat sarjana di pasaran setakat ini. Sehubungan itu, program ini bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan mendalam yang diperlukan dalam bidang syariah.

Sebagai kesimpulan, keunikan program-program yang ditawarkan di Graduate School of Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia memberi graduan pandangan yang lebih menyeluruh daripada senario global terkandung dalam perspektif Islam kerana setiap kursus menggabungkan perkembangan terkini dalam bidangnya, dan dikukuhkan dalam integrasi ilmu naqli dan ilmu aqli.

Berpandukan

NILAI-NILAI MURNI,

Anda Pasti

MENGECAPI KECEMERLANGAN,

dan

MEMAKSIMAKAN POTENSI DIRI

Siapa kata **USIM**
tidak menawarkan
program **MBA?**
Kami menawarkan
LEBIH dari itu.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

— Mengintegrasikan **Naqli** dan **Aqli** —

GRADUATE SCHOOL OF MUAMALAT
**PENGAMBILAN
JANUARI 2016**

Kirti Dibuka (Sepenuh & Separuh Masa)

PROGRAM YANG DITAWARKAN

Kaedah Kerja Kursus :

- Sarjana **PENTADBIRAN MUAMALAT**
- Sarjana **PENTADBIRAN MUAMALAT (Produk Halal)**
- Sarjana **KEWANGAN ISLAM**
- Sarjana **PERBANKAN ISLAM**
- Sarjana **PERAKAUNAN DAN AUDIT SYARIAH**

Kaedah Penyelidikan:

- Sarjana **EKONOMI DAN PENTADBIRAN MUAMALAT**
- Kedoktoran
 - » Falsafah
 - » Industri

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

GRADUATE SCHOOL OF MUAMALAT,
Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia

No. Tel : +606-797 8664 (Amira) 8662 (Liza) atau

E-mel : ddgsm@usim.edu.my

Laman Web : <http://fem.usim.edu.my/gsmuamalat/>

Facebook : <https://www.facebook.com/gsmuamalat>

Jangan lupa hantarkan permohonan anda ke : <http://ecgs.usim.edu.my>

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :
4 DISEMBER 2015